

Media Title

- : Utusan Sarawak
- : Rugi RM900,000 ditipu 'Kedutaan China'
- : 27 May 2024
- : Tempatan
- : 11

Headline

Date

Section

Page



## Rugi RM900,000 ditipu 'Kedutaan China'

**KUCHING:** Seorang akauntan warganegara China berusia 22 tahun kelmarin mengalami kerugian RM900,000 setelah diperdaya melalui panggilan telefon.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Dato Mancha Ata (*gambar*) berkata, mangsa memindahkan wang sebanyak lima transaksi ke dua akaun bank berbeza milik suspek.

"Menurut mangsa, dia menerima panggilan daripada nombor tidak dikenali yang mendakwa berhubung dengan Kedutaan China di China dan pasportnya menghadapi masalah keluar masuk Malaysia ketika dia bekerja di Mukah.

"Suspek turut bertanyakan tentang pekerjaan mangsa dan tempat kerja.

"Kemudian dia diberitahu bahawa syarikatnya terlibat dalam

pengubahan wang haram.

"Mangsa kemudian diminta untuk memindahkan semua wang tunai ke akaun yang disediakan oleh suspek untuk disiasat.

Jika dia gagal berbuat demikian, akaun syarikat akan dibekukan," katanya.

Beliau berkata, mangsa yang berasa panik memindahkan wang tersebut.

Malah mangsa juga diminta untuk memadam semua transaksi selepas itu.

Bagaimanapun, mangsa hanya mendapat dirinya tertipu selepas gagal mendapat wangnya kembali pada pertengahan Mei dan terus membuat laporan polis.

